

20 DEC 1998

Belia-Patriotisme

BELIA PERLU PATRIOTISME BAGI ELAK NEGARA DIJAJAH SEMULA

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Para belia perlu mengukuhkan semangat patriotisme dengan mengambil iktibar daripada punca negara ini dijajah serta perjuangan menuntut kemerdekaan bagi memastikan Malaysia terus bebas daripada sebarang penjajahan bentuk baru oleh kuasa barat.

Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, para belia yang akan mengambil-alih kepimpinan negara pada masa akan datang perlu mengambil iktibar tentang bagaimana sebuah negara kecil seperti Portugis mampu menghancurkan kuasa besar kesultanan Melaka pada tahun 1511.

Beliau berkata keruntuhan kerajaan Melaka berpunca daripada perbuatan golongan istana tertentu yang sanggup membiarkan diri mereka dijadikan boneka dan menjual maklumat kerajaan kepada musuh.

Justeru, katanya jika kini masih terdapat rakyat yang merelakan diri mereka dijadikan boneka oleh kuasa asing, maka tidak mustahil Malaysia akan dijajah semula oleh kuasa asing pada alaf akan datang terutama daripada segi ekonomi.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Kempen Patriotik Malaysia anjuran gerakan itu di sini, beliau berkata semangat patriotisme di kalangan remaja perlu diperhebatkan lagi memandangkan generasi muda yang dilahirkan selepas merdeka tidak pernah merasai keperitan yang alami oleh generasi sebelumnya dalam mempertahankan kedaulatan bangsa, agama dan negara.

Kempen itu dirasmikan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin yang juga menyampaikan ceramah selama lebih dua setengah jam mengenai sejarah pembangunan negara.

Ali yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan berkata, dalam usaha menanamkan semangat patriotisme di kalangan remaja, mereka perlu diberikan kefahaman yang jelas mengenai isu semasa politik serta ekonomi negara.

"Ini agar mereka lebih memahami tentang perkembangan isu semasa termasuk mengenai kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan," katanya.

Justeru katanya sepanjang kempen selama setahun itu majlis ceramah akan diadakan di peringkat negeri dan daerah yang melibatkan 2 juta anggota gabungan Majlis Belia Malaysia (MBM) termasuk 300,000 anggota Belia 4B sendiri.

Di samping itu, para belia atau kumpulan tidak menjadi anggota gabungan MBM juga dijemput menyertai ceramah yang akan diadakan itu agar semangat patriotisme dapat ditanamkan di kalangan belia secara lebih menyeluruh.

Pada majlis itu sebanyak 2,000 keping poskad yang menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diserahkan kepada Abdul Aziz.

-- BERNAMA

AKT PR